

Tadbir Urus Syariah dalam Industri Takaful di Malaysia: Implikasi Pasca Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013

(*Shariah Governance of Takaful industry in Malaysia: Implications of Post Islamic Financial Services Act 2013*)

Mohd Faiz Mohamed Yusof
Joni Tamkin Borhan
Nurhanani Romli
(Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

ABSTRAK

Industri takaful telah bertapak kira-kira 30 tahun dalam sistem kewangan di Malaysia. Pelbagai perubahan telah dilakukan oleh pengawal selia iaitu Bank Negara Malaysia (BNM) bagi memastikan pengukuhan dan kestabilan industri takaful termasuklah berkaitan perundangan tadbir urus syariah. Makalah ini akan menghuraikan peruntukan perundangan Akta Bank Negara Malaysia 2009 (ABNM 2009) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI 2013) dalam aspek tadbir urus syariah industri takaful di Malaysia. Selain itu, kajian ini turut menemu bual tujuh informan kajian yang terdiri Pegawai Bahagian Syariah dan Jawatankuasa Syariah Syarikat Pengendali Takaful (SPT) yang merupakan pihak yang terlibat secara langsung dalam proses tadbir urus syariah dalam industri takaful. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peruntukan perundangan APKI 2013 memberi implikasi positif terhadap tadbir urus syariah industri takaful dengan peruntukan perundangan yang jelas dan terperinci seperti bidang kuasa dan peranan Majlis Penasihat Syariah BNM dan Jawatankuasa Syariah di peringkat dalaman SPT.

Kata kunci: Tadbir urus syariah; takaful; perundangan; Majlis Penasihat Syariah BNM; Jawatankuasa Syariah SPT

ABSTRACT

Takaful industry was first introduced into Malaysia about 30 years ago when the first takaful operator was established to fulfil the need of the Muslim community to be protected based on the Islamic principles. Takaful operations are regulated and supervised by BNM and various changes have been made to ensure the strengthening and stability of the takaful industry including the shariah governance legislation. The aim of this paper is to analyze the legal provisions of Central Bank of Malaysia Act 2009 and Islamic Financial Services Act 2013 in terms of shariah governance in takaful industry at Malaysia. This study interviewed seven informants comprising officers from the Department of Shariah and Shariah Committee of Takaful Company (SPT), which have involved directly in the shariah governance process of takaful industry. The findings indicate that the legal provisions of Islamic Financial Services Act 2013 have given positive implication for shariah governance of takaful industry since the legal provisions are clear and detailed such as the role of the SAC of BNM and the SC of Takaful Operators.

Keyword: Shariah governance; takaful, legislation; Shariah Advisory Council Central Bank of Malaysia; Shariah Committee Takaful Operator

PENGENALAN

Kerajaan berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah hub dalam industri kewangan Islam. Antara perkara yang perlu diusahakan untuk menjadi sebuah hub kewangan Islam global ialah mengukuhkan tadbir urus syariah melalui peruntukan perundangan. Permulaan industri takaful di Malaysia pada Oktober 1982 apabila Pasukan Petugas Khas ditubuhkan untuk mengkaji potensi dan daya maju penubuhan sebuah syarikat insurans secara Islam. Ini kemudiannya diikuti dengan Pemerbadanan Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Berhad (STMB) pada November 1984 dan seterusnya Akta Takaful 1984 digazetkan pada Disember 1984. STMB merupakan syarikat pelopor dalam industri takaful di Malaysia apabila berjaya memulakan operasinya pada Ogos 1985. Pada Mei 1988,

Bank Negara Malaysia telah diberi tanggungjawab untuk mengawalselia industri takaful (Bank Negara Malaysia 2004). Kini setelah kira-kira 30 tahun Akta Takaful 1984 digazetkan, industri takaful telah berkembang pesat dan mengalami pelbagai perubahan termasuklah berkaitan peruntukan perundangan tadbir urus syariah dalam industri takaful. Tadbir urus syariah secara umumnya melibatkan pelbagai pihak termasuklah Lembaga Pengarah, Pegawai Pengurus Kanan, Pegawai Bahagian Syariah dan lain-lain kakitangan yang terlibat dalam pematuhan syariah.

Tadbir urus syariah dalam institusi kewangan Islam termasuklah SPT merupakan bahagian utama bagi memastikan seluruh operasi dan aktiviti kewangan Islam adalah patuh syariah. Terdapat kes-kes melibatkan kewangan Islam telah berlaku sebelum ini contohnya kes

Tan Sri Abdul Khalid Bin Ibrahim v Bank Islam Malaysia Berhaddan lain-lain, kes *Bank Islam Malaysia Berhad v Lim Kok Hoe & Anor dan lain-lain rayuan*, dan kes *Bank Islam Malaysia Berhad v Azhardan 3 lagi* yang disebabkan pertikaian terhadap status patuh syariah kontrak *Bai' Bithaman Ajil* dalam perbankan Islam. Menurut Markom et al. (2013), kes-kes pertikaian status patuh syariah kontrak *Bai' Bithaman Ajil* disebabkan kelemahan dan perbezaan pandangan Jawatankuasa Syariah antara satu institusi kewangan Islam dengan institusi kewangan Islam yang lain. Ini menggambarkan bahawa kelemahan tadbir urus syariah (termasuklah menyeragamkan keputusan patuh syariah) menyebabkan kewujudan isu-isu syariah terus berlaku dalam kewangan Islam. Sektor pasaran modal Islam turut mengalami insiden risiko syariah contohnya pada penghujung tahun 2007 disebabkan kelemahan tadbir urus syariah dalam menyaringkan dan memperkukuhkan aspek patuh syariah dalam kewangan Islam. Sheikh Taqi Usmani menyatakan sebanyak 85% terbitan sukuk berdasarkan perjanjian pembelian balik yang tidak mematuhi syariah kerana dianggap telah meniru produk sekuriti hutang konvensional. Impak daripada kritikan mengenai sukuk pada 2007, jumlah terbitan sukuk mengalami kejatuhan pada tahun 2008 (Wafica Ali Ghoul 2011). Kenyataan Sheikh Taqi Uthmani ini turut menyebabkan kemerosotan pasaran sukuk pada penghujung pada tahun 2007. Tambahan lagi, jumlah terbitan sukuk mengalami penyusutan lagi pada 2008 sebanyak 40% berbanding tahun 2007. Impak kenyataan Sheikh Taqi Usmani yang menyatakan bahawa sukuk tidak patuh syariah turut menyebabkan ketidakstabilan pasaran modal Islam pada tahun 2008 (Tahmoures 2013). Lantaran daripada isu pertikaian status syariah sukuk pada 2008 ini juga menyebabkan BNM mengambil langkah progresif dengan menggazetkan Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan diikuti dengan APKI 2013 bagi mengukuhkan perundangan dalam kewangan Islam termasuklah dalam aspek tadbir urus syariah. Oleh hal yang demikian, makalah ini akan meneliti sejauh manakah pengukuhan tadbir urus syariah dalam industri takaful di Malaysia dan implikasinya setelah APKI 2013 digazetkan khususnya aspek peranan dan bidang kuasa Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (BNM), Jawatankuasa Syariah SPT dan kakitangan Bahagian Syariah SPT.

METODOLOGI KAJIAN

Makalah ini akan menggunakan pendekatan kualitatif melalui tinjauan dokumen (Marshall & Rossman 1995). Dokumen utama kajian ialah perundangan bertulis berkaitan tadbir urus syariah industri takaful iaitu ABNM 2009 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Kepentingan melakukan tinjauan atau rujukan terhadap dokumentasi ialah untuk mendapatkan bukti-bukti daripada sumber-sumber yang berbentuk dokumen ini. Penilaian dokumen dalam makalah ini adalah peruntukan perundangan bertulis yang merupakan dokumen penting dalam menentukan peranan dan fungsi tadbir urus syariah dalam industri takaful. Michael (2009) menjelaskan metod etri angulasi dijalankan melalui penelitian terhadap pelbagai sumber data untuk menjelaskan sesuatu kajian. Metod etri angulasi ini digunakan melalui kepelbagaian maklumat daripada sumber jurnal-jurnal berkaitan dan keputusan penghakiman kes *Teng Gia Hwa & 1 or v Syarikat Takaful Malaysia Bhd 2010* yang melibatkan industri takaful. Selain itu, makalah ini turut menggunakan metode temu bual secara separa berstruktur bagi mendapatkan pandangan informan kajian yang terlibat dalam proses tadbir urus syariah industri takaful di Malaysia. Kajian ini menemu bual tujuh orang informan kajian bagi mendapatkan maklumat sebenar implikasi tadbir urus syariah pasca APKI 2013, khususnya dalam operasi dan aktiviti SPT di Malaysia. Selanjutnya, data-data temu bual informan akan dianalisis menggunakan program *Atlas.ti 7* bagi mengemukakan dapatan kajian ini untuk menggunakan gambaran grafik. Berikut adalah senarai informan kajian yang telah ditemubual dalam makalah ini.

SOROTAN LITERATUR

Rangka kerja tadbir urus syariah dalam institusi kewangan Islam di Malaysia telah dikeluarkan oleh pihak pengawal selia sendiri iaitu BNM (2011). Walau bagaimanapun, rangka kerja tadbir urus syariah yang dikeluarkan BNM (2011) adalah dasar dan asas sahaja. Oleh sebab itu, pihak IKI perlu membangunkan tadbir syariah secara komprehensif di peringkat dalaman IKI masing-masing.

JADUAL 1. Senarai informankajian yang telah ditemubual

Label	Jawatan dan Bidang Tugas
Informan A	Ketua Bahagian Penyelidikan dan Khidmat Nasihat Syariah, SPT A
Informan B	Penolong Pengurus Jabatan Syariah, SPT B
Informan C	Jawatankuasa Syariah SPT C
Informan D	Penolong Pengurus, Syariah dan Pengurusan Strategik, SPT C
Informan E	Penolong Pengurus, Bahagian Review, Penyelidikan, Risiko, Tadbir Urus Syariah, SPT E
Informan F	Pengurus dan Ketua Bahagian Syariah, SPT F
Informan G	Ketua Bahagian Pematuhan Syariah, SPT G

Sumber: Individu-individu yang telah ditemubual dari 21 November 2014 hingga 3 Februari 2015. Maklumat informan dilabelkan seperti Jadual 1 bagi melindungi kerahsiaan informan kajian.

Terdapat kajian-kajin dijalankan untuk menambah baik dan mengukuhkan aspek tadbir urus syariah dalam kewangan Islam seperti Hasan (2011) mengulas bahawa tadbir urus syariah berperanan memberikan pandangan dan khidmat nasihat kepada pihak IKI untuk memastikan pematuhan syariah dalam keseluruhan operasi dan aktiviti IKI merangkumi pematuhan syariah sama ada sebelum dan selepas produk dan perkhidmatan kewangan Islam diimplementasikan dalam pasaran.

DeLorenzo (2007) mengulas salah satu proses tadbir urus syariah iaitu proses membuat keputusan dan resolusi syariah mengenai isu-isu syariah dalam industri takaful. Oleh yang demikian, pihak pengawal selia seperti Jawatankuasa Syariah perlu memastikan keputusan resolusi syariah melalui proses *ijtihad* dan kajian yang mencukupi supaya keputusan syariah tersebut diterima oleh masyarakat Muslim secara keseluruhannya. Karim (2014) juga mempunyai pandangan yang hampir sama dengan DeLorenzo (2007) dengan mengulas bahawa tadbir urus syariah bergantung kepada Jawatankuasa Syariah dalam sesuatu IKI namun Karim (2014) menjelaskan lanjut bahawa tadbir urus syariah turut perlu melibatkan Lembaga Pengarah, Pegawai-Pegawai Kanan dan kakitangan-kakitangan dalam operasi IKI itu sendiri.

Dalam aspek perundangan dalam tadbir urus syariah, Hassan (2008) berpandangan bahawa peruntukan perundangan berkaitan pematuhan syariah semasa Akta Takaful 1984 adalah tidak jelas dan mempunyai banyak kekurangan atau lacuna contohnya tiada panduan jelas mengenai apakah unsur patuh syariah dan apakah elemen-elemen tidak patuh syariah, tiada bidang kuasa jelas mengenai kuasa Badan Penasihat Syariah dan industri takaful masih perlu bergantung kepada perundangan Akta Insurans 1996. Ini dibuktikan lagi dengan kajian Lambak dan Tahir (2013) yang turut bersetuju Akta Takaful 1984 mempunyai banyak kelemahan dan perlu bergantung kepada *English Common Law* dengan menyamakan doktrin *al-Urf* dalam pendekatan *ijtihad* untuk di aplikasikan dalam kes-kes pertikaian yang melibatkan industri takaful. Dengan erti kata yang lain, Lambak dan Tahir (2013) berpendapat bahawa Majlis Penasihat Syariah BNM dan Jawatankuasa Syariah IKI yang merupakan dua badan utama dalam tadbir urus syariah IKI tidak mempunyai kuasa dalam memastikan pematuhan syariah IKI dalam kes-kes pertikaian berkaitan isu-isu syariah dalam kewangan Islam yang di bawa ke mahkamah. Hichem (2013) menjalankan kajian perbandingan aspek tadbir urus syariah perbankan Islam secara dalaman dan tidak berpusat di negara-negara timur tengah dengan tadbir urus syariah perbankan Islam secara berpusat di Malaysia. Hichem (2013) mendapati tadbir urus syariah secara berpusat seperti dalam industri perbankan Islam di Malaysia adalah lebih berkesan dan cekap untuk memastikan setiap resolusi syariah yang telah diputuskan dapat diharmonisasikan dan diseragamkan dalam semua institusi perbankan Islam.

Bagaimanapun, kajian-kajian terdahulu hanya membincangkan tadbir urus syariah dalam IKI secara umum tanpa mengkhususkan kepada industri takaful. Selain itu,


kajian-kajian lepas ini juga hanya membincangkan aspek tadbir urus sebelum APKI 2013 digazetkan pada sahaja tanpa mengkaji implikasi tadbir urus pasca APKI 2013. Justeru, makalah ini akan menjelaskan aspek tadbir urus syariah dalam industri takaful selepas APKI 2013 digazetkan.

MAJLIS PENASIHAT SYARIAH BNM DAN JAWATANKUASA SYARIAH SPT

Majlis Penasihat Syariah BNM ini adalah sekumpulan kepakaran syariah berkaitan kewangan Islam. Majlis Penasihat Syariah adalah merupakan badan yang mengawalselia berkaitan pematuhan syariah di bawah BNM. Secara dasarnya, Majlis Penasihat Syariah BNM mengeluarkan resolusi dan keputusan berkaitan pematuhan syariah yang perlu dipatuhi dan dijadikan garis panduan untuk memastikan pematuhan syariah dalam industri kewangan Islam termasuklah SPT. Tadbir urus syariah yang berkaitan Majlis Penasihat Syariah BNM secara khusus akan diperincikan melalui peruntukan undang-undang yang dijelaskan dalam sub topik berkaitan implikasi Akta Bank Negara Malaysia 2003 dan APKI 2013.

Selain itu, pihak tadbir urus syariah di peringkat IKI dikawal selia oleh Jawatankuasa Syariah IKI masing-masing. Jawatankuasa Syariah ini pula bertanggungjawab sebagai badan penasihat dan pengawal selia di peringkat dalaman institusi seperti SPT. Tadbir urus syariah yang berkaitan Jawatankuasa Syariah dalaman hampir menyamai Majlis Penasihat Syariah BNM tetapi hanya tertumpu di peringkat SPT sahaja serta masih tertakluk dengan resolusi dan keputusan Majlis Penasihat Syariah BNM. Secara keseluruhannya, setiap isu dan permasalahan syariah dalam kewangan Islam sama ada berlaku di peringkat BNM mahupun di peringkat dalaman SPT memerlukan sokongan, saling nasihat dan menasihati serta bertukar pandangan untuk mengukuhkan aspek pematuhan syariah dalam industri kewangan Islam. Ini memerlukan hubungan berkaitan pematuhan syariah antara Jawatankuasa Syariah dalaman SPT dan Majlis Penasihat Syariah BNM (Hassan & Hussain 2013). Rajah 1 menunjukkan gambaran hubungan antara Jawatankuasa Syariah SPT dan MPS Bank Negara Malaysia.

Rajah 1 menunjukkan hubungan antara Majlis Penasihat Syariah BNM dan Jawatankuasa Syariah dalam SPT. Kedua-dua badan pengawal selia dalam tadbir urus syariah ini pada dasarnya bertujuan untuk memastikan keseluruhan operasi SPT adalah mematuhi perundangan syariah dalam kewangan Islam. Institusi kewangan Islam di Malaysia termasuklah SPT melakukan proses tadbir urus syariah secara berpusat yakni terdapat satu badan pengawal selia syariah di peringkat kebangsaan iaitu Majlis Penasihat Syariah BNM sebagai badan berkuasa tertinggi dalam menentukan perkara-perkara Syariah di peringkat makro industri kewangan Islam di Malaysia dan Jawatankuasa Syariah sebagai pengawal selia pematuhan syariah mikro di peringkat SPT masing-masing. Majlis Penasihat Syariah BNM telah diberi mandat dan kuasa



RAJAH 1. Hubungan Jawatankuasa Syariah SPT dan Majlis Penasihat Syariah BNM

Sumber: Diubahsuai daripada Grassa (2013)

untuk menentukan perundangan syariah dalam institusi kewangan Islam di Malaysia termasuklah SPT. Dengan erti kata yang lain, Majlis Penasihat Syariah BNM merupakan badan rujukan dan penasihat BNM khususnya dalam aspek-aspek pematuhan syariah dalam kewangan Islam.

Secara dasarnya, Jawatankuasa Syariah SPT bertanggungjawab memastikan pematuhan syariah di peringkat dalaman SPT termasuklah memberi khidmat nasihat kepada Lembaga Pengarah SPT mengenai pematuhan syariah dalam operasi SPT. Selain itu, Jawatankuasa akan mengeluarkan manual syariah berdasarkan resolusi-resolusi syariah yang telah diputuskan dalam mesyuarat dan perbincangan Jawatankuasa Syariah SPT untuk diimplementasikan dalam operasi dan aktiviti SPT. Jawatankuasa Syariah SPT juga berperanan mengesahkan dan memperakui dokumen-dokumen dalam operasi SPT seperti borang permohonan, borang penamaan, dokumen kontrak perundangan, brosur pemasaran dan pengiklanan, dan manual produk. Di samping itu, Jawatankuasa Syariah SPT perlu memberi pandangan dan khidmat nasihat kepada pihak tertentu seperti pihak auditor dan pihak perundangan sekiranya pihak-pihak tersebut memerlukan pandangan daripada perspektif patuh syariah. Kemudian, Jawatankuasa Syariah SPT turut menjalankan peranan di peringkat dalaman SPT dengan memberi pandangan secara bertulis kepada BNM sekiranya terdapat permohonan produk takaful yang baru oleh SPT tersebut. (BNM 2011)

Dalam konteks tadbir urus industri takaful di Malaysia, Majlis Penasihat Syariah BNM dan Jawatankuasa Syariah SPT saling bekerjasama untuk memastikan keharmonian resolusi syariah dalam industri takaful. BNM (2005) menjelaskan sekiranya terdapat isu-isu syariah dalam SPT yang dirujuk kepada Majlis Penasihat Syariah BNM, Jawatankuasa Syariah SPT tersebut turut memberi

pandangan mereka dalam secara bertulis mengenai isu-isu syariah yang dirujuk kepada Majlis Penasihat Syariah SPT tersebut. Ini bermaksud Jawatankuasa Syariah SPT perlu mencadangkan pandangan mereka secara terperinci berdasarkan rujukan dan proses *ijtihad* yang dibuat di peringkat dalaman SPT itu sendiri untuk membantu Majlis Penasihat Syariah BNM bagi membuat keputusan dan resolusi syariah yang terbaik dan tepat dalam konteks permasalahan isu syariah tersebut. Ini menggambarkan hubungan kerjasama antara Majlis Penasihat Syariah BNM dan Jawatankuasa Syariah SPT dalam konteks tadbir urus syariah industri takaful di Malaysia.

Dalam situasi tertentu, sekiranya terdapat kemungkinan berlaku perbezaan keputusan atau resolusi syariah antara Jawatankuasa Syariah SPT dan Majlis Penasihat Syariah SPT. Seksyen 56, 57, 58 ABNM 2009 secara jelas menyatakan bahawa resolusi syariah Majlis Penasihat Syariah BNM yang diterima sebagai patuh syariah manakala keputusan Jawatankuasa Syariah di peringkat dalam SPT akan tertolak. Namun begitu, secara praktisnya informan C yang merupakan salah seorang ahli Jawatankuasa Syariah SPT di Malaysia mengulas lanjut bahawa setiap keputusan dan resolusi syariah yang dibuat oleh Majlis Penasihat Syariah BNM hanya diputuskan setelah isu syariah tersebut dibincangkan secara menyeluruh dan mendalam termasuklah melibatkan ahli-ahli Jawatankuasa Syariah SPT dan kakitangan-kakitangan SPT-SPT di Malaysia yang menjalankan tanggungjawab dalam aspek pematuhan syariah. Justeru, tidak timbul bahawa resolusi syariah yang telah diputuskan Majlis Penasihat Syariah BNM tidak diterima ataupun bercanggahan resolusi syariah Jawatankuasa Syariah di peringkat SPT. Selain itu juga, informan A dan informan D memaklumkan bahawa resolusi syariah yang diputuskan Majlis Penasihat Syariah BNM adalah bersifat terbuka dan

tidak rigid bagi memudahkan resolusi syariah tersebut sesuai dan praktikal untuk diimplementasikan dalam operasi SPT-SPT di Malaysia. Justeru, dalam konteks tadbir urus syariah di Malaysia, perbezaan pandangan antara Majlis Penasihat Syariah BNM dan Jawatankuasa Syariah SPT amat sukar untuk berlaku dalam pematuhan syariah industri takaful di Malaysia. Ini berikutan hubungan kerjasama antara Majlis Penasihat Syariah BNM dan Jawatankuasa Syariah SPT berdasarkan konsep saling menasihati dan bermatlamat menyelaraskan aspek pematuhan syariah SPT-SPT di Malaysia.

KEDUDUKAN MAJLIS PENASIHAT SYARIAH BNM DAN JAWATANKUASA SYARIAH SPT DALAM *IJTIHAD* BERKAITAN KEWANGAN ISLAM

Hussain, Hassan dan Hassan (2013) menjelaskan bahawa resolusi dan keputusan Majlis Penasihat Syariah dianggap sebagai *ijtihad* secara kolektif. Bagaimanapun, resolusi dan keputusan Majlis Penasihat Syariah BNM bukan merupakan fatwa dalam pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia. Ini berikutan fatwa hanya boleh dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dan Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri dan fatwa-fatwa yang diputuskan ini perlu digazetkan terlebih dahulu sebelum dikuatkuasakan (Hussain, Hassan & Hassan 2013). Majlis Penasihat Syariah BNM terdiri daripada 11 ahli-ahli yang dilantik berdasarkan pengalaman dan kepakaran mereka dalam bidang kewangan Islam oleh BNM (Bank Negara Malaysia 2013c). Kepakaran Majlis Penasihat Syariah BNM turut dibantu oleh Jawatankuasa Syariah di peringkat SPT dalam membuat resolusi dan keputusan mengenai pematuhan syariah dalam kewangan Islam. Oleh yang demikian, resolusi, keputusan dan pandangan yang dikeluarkan boleh dianggap sebagai *ijma'* berkaitan penentuan hukum dalam kewangan Islam. Perkara ini selaras dengan definisi *ijma'* yang memberi maksud persepakatan para *mujtahid* selepas kewafatan Rasulullah SAW pada suatu masa dalam suatu perkara (Al-Syawkani 1995). Ini adalah bertepatan dengan peranan Majlis Penasihat Syariah BNM dan Jawatankuasa Syariah SPT yang bertanggungjawab dalam menentukan hukum atau berijtihad mengenai permasalahan kewangan Islam. Menurut Zaydan (1969), *ijma'* adalah sumber *fiqh* yang diperakui kesahihannya dan wajib diterima sebagai hukum. Proses *ijma'* dalam penentuan hukum ini diperlukan untuk menentukan hukum-hukum dalam permasalahan syariah pada masa kini. Keperluan terhadap penentuan hukum oleh Majlis Penasihat Syariah BNM dan Jawatankuasa Syariah SPT disebabkan isu-isu permasalahan syariah semasa yang timbul dalam industri kewangan Islam memerlukan resolusi dan keputusan syariah.

Dalam realiti perundangan semasa, keputusan Majlis Penasihat Syariah BNM juga telah diterima dalam kes *Mohd Alias Ibrahim v RHB Bank Berhad & Anor* [2011] 4 CLJ 654 sebagai pendapat pakar. Plaintif atau pihak

yang mendakwa dalam kes ini telah memohon agar segala kontrak *Bai Bithman Ajil* dengan pihak bank yang ditandatangani pada 29 Januari 2004 tidak sah dan pihak mahkamah kemudiannya telah merujuk kes tersebut kepada Majlis Penasihat Syariah BNM. Kedudukan keputusan Majlis Penasihat Syariah BNM diterima sebagai pendapat pakar dalam pematuhan syariah kewangan Islam sepertimana pemakaian seksyen 45 Akta Keterangan 1950 (Akta 56) yang membenarkan mahkamah menerima pakai pandangan pakar dalam memutuskan sesuatu perkara. Justeru, ini menggambarkan bahawa keputusan Majlis Penasihat Syariah BNM dan Jawatankuasa Syariah SPT diterima sebagai keputusan *ijma'* atau pandangan yang disepakati yang wajib dipatuhi oleh setiap pihak yang menjalankan sebarang operasi, urusan niaga dan hal ehwal berkaitan kewangan Islam. *Ijma'* bermaksud persetujuan oleh majoriti atau sejumlah besar sarjana dan perundangan syariah mengenai sesuatu hukum syariah. Sebarang perlakuan atau tindakan yang melanggar resolusi, keputusan atau pandangan Majlis Penasihat Syariah BNM dan Jawatankuasa Syariah SPT dianggap tidak mematuhi syariah dalam konteks hukum Islam itu sendiri. Makalah ini seterusnya akan meneliti peruntukan perundangan dan implikasinya berkaitan tadbir syariah melibatkan peranan dan tanggungjawab Majlis Penasihat Syariah BNM dan Jawatankuasa Syariah SPT.

IMPLIKASI AKTA BANK NEGARA MALAYSIA 2009 (ABNM 2009)

Bank Negara Malaysia (2004) menjelaskan bahawa Akta Bank Negara Malaysia bermula pada 1958 kemudian dipinda kepada Akta Bank Negara Malaysia 2003 dan terkini iaitu ABNM 2009. Berdasarkan Akta Bank Negara 2009, peruntukan berkaitan Majlis Penasihat Syariah BNM dinyatakan dengan jelas melalui seksyen 51(1) ABNM 2009 yang menyatakan bahawa BNM boleh menubuhkan Majlis Penasihat Syariah yang menjadi pihak berkuasa bagi menentukan hukum berkaitan kewangan Islam. Manakala, seksyen 51(2) ABNM 2009 pula menjelaskan bahawa Majlis Penasihat Syariah mempunyai kuasa untuk menentukan bagaimana proses penentuan hukum berkaitan kewangan Islam dijalankan. Seksyen 52 Akta Bank Negara 2009 pula menyatakan fungsi Majlis Penasihat Syariah dengan memperuntukkan bidang kuasa yang lebih luas kepada Majlis Penasihat Syariah. Seksyen 52(1)(a) dan (b) dan (c) memberikan kuasa kepada Majlis Penasihat Syariah dalam menentukan hukum syariah dan memberi khidmat nasihat berkaitan operasi kewangan Islam. Peruntukan dalam klausa ini tidak banyak perbezaan dengan peruntukan 53A Akta Takaful 1984 yang turut menyatakan istilah “nasihat” ini. Bagaimanapun, seksyen 52(1)(d) Akta Bank Negara 2009 dilihat memperbaiki kekurangan Akta Takaful 1984 dengan memberi kuasa dan tanggungjawab yang lebih luas kepada Majlis Penasihat Syariah berdasarkan spesifikasi yang dikeluarkan oleh BNM yang sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa bagi memastikan pematuhan syariah industri takaful di Malaysia.

Seterusnya, seksyen 53(1) ABNM 2009 merupakan suatu bentuk pemberian kredibiliti dan penghargaan kepada Majlis Penasihat Syariah BNM yang mana Majlis Penasihat Syariah BNM dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Individu-individu yang dilantik sebagai Majlis Penasihat Syariah BNM mestilah berkelayakan dalam bidang syariah atau mempunyai pengetahuan mendalam dan berpengalaman luas berkaitan perbankan dan kewangan, perundangan atau lain-lain bidang berkaitan.

Majlis Penasihat Syariah BNM mempunyai tanggungjawab kepada 2 pihak iaitu terhadap BNM dan juga terhadap institusi-institusi kewangan Islam. Pihak BNM pula, perlu merujuk Majlis Penasihat Syariah dalam dua situasi iaitu (1) berkaitan perniagaan kewangan Islam dan (2) apabila menjalankan fungsi atau urusan atau hal ehwal yang berkaitan perundangan bertulis atau penentuan hukum syarak oleh Majlis Penasihat Syariah sepertimana Seksyen 55(1)(a) dan (b) ABNM 2009. Seksyen 55(2) ABNM 2009 seterusnya menyatakan bahawa pihak yang kedua perlu merujuk Majlis Penasihat Syariah ialah institusi-institusi kewangan Islam termasuk SPT bertujuan memastikan bahawa setiap operasi perniagaan institusi kewangan Islam mematuhi syariah. Rujukan terhadap Majlis Penasihat Syariah boleh dibuat sama ada dengan mendapatkan suatu keputusan mengenai permasalahan berkaitan syariah (Seksyen 55(2)(a) ABNM 2009) atau mendapatkan nasihat mengenai apa-apa yang berkaitan syariah mengenai operasi perniagaan institusi kewangan Islam (Seksyen 55(2)(b) ABNM 2009).

Mengenai Jawatankuasa Syariah pula, istilah Jawatankuasa Syariah dalaman SPT tidak disebut secara langsung dalam ABNM 2009. Tetapi, seksyen 54 ABNM 2009 telah menyatakan mengenai urus setia Majlis Penasihat Syariah. Seksyen 54(1) ABNM 2009 menyatakan BNM boleh menubuhkan apa-apa urus setia atau jawatankuasa yang boleh membantu fungsi Majlis Penasihat Syariah. BNM juga berhak untuk melantik mana-mana individu untuk menjadi ahli urus setia atau jawatankuasa yang dibentuk untuk membantu Majlis Penasihat Syariah. Istilah “urus setia” bagi membantu Majlis Penasihat Syariah BNM juga boleh ditafsirkan sebagai pembentukan Jawatankuasa Syariah di peringkat dalaman yang tujuan utama membantu Majlis Penasihat Syariah BNM bagi menasihati dan pengawalseliaan pematuhan syariah khusus di peringkat dalaman SPT.

ABNM 2009 ini turut menyatakan tindakan yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perbezaan dalam keputusan Majlis Penasihat Syariah BNM dengan Jawatankuasa Syariah di peringkat dalaman. Dalam situasi sepatutnya, perbezaan keputusan antara Majlis Penasihat Syariah dan Jawatankuasa Syariah tidak berlaku kerana hubungan kedua-dua badan ini dilakukan dengan situasi saling menasihati dan bekerjasama untuk memastikan objektif pematuhan syariah dicapai dalam industri kewangan Islam (Grassa 2013). Bagaimanapun, sekiranya masih terdapat situasi perbezaan pandangan, pihak Majlis Penasihat Syariah BNM yang berhak memutuskan keputusan, resolusi atau pandangan untuk dipatuhi oleh

semua institusi kewangan Islam. Selain itu, Jawatankuasa Syariah dalaman SPT juga bertindak sebagai membantu Majlis Penasihat Syariah BNM dengan menyelia operasi, urus niaga, hal ehwal dan aktiviti SPT mematuhi syariah di peringkat institusi. Jawatankuasa Syariah boleh dianggap sebagai wakil Majlis Penasihat Syariah di peringkat SPT seperti dinyatakan dalam seksyen 28 ABNM 2009.

Walaupun fungsi dan tanggungjawab Jawatankuasa Syariah tidak disebutkan secara langsung dalam ABNM 2009. Namun, BNM akan menggunakan peruntukan seksyen 59 ABNM 2009 untuk memutuskan standard tugas dan peranan Jawatankuasa Syariah serta memastikan pihak institusi kewangan termasuklah SPT bagi mematuhi keputusan dan resolusi syariah Jawatankuasa Syariah di peringkat dalaman SPT. Malahan, seksyen 59(3) ABNM 2009 juga memperuntukkan hukuman kepada mana-mana pihak yang tidak mematuhi garis panduan atau pekeliling BNM dengan hukuman denda tidak melebihi RM3 juta.

Bank Negara Malaysia (2011) telah mengeluarkan *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions* BNM/RH/GL_012_3 yang merupakan panduan dan rangka kerja standard dalam tadbir urus syariah dalam industri kewangan Islam. Semasa pra ABNM 2009, Bank Negara Malaysia (2003) telah mengeluarkan *Guidelines on the Governance of Shariah Committee* BNM/RH/GL/005-6 sebagai panduan institusi kewangan Islam mengenai tadbir urus syariah tetapi garis panduan ini masih bergantung kepada Akta Bank Negara Malaysia 1958 dan Akta Takaful 1984 yang tidak mempunyai peruntukan jelas untuk memastikan institusi kewangan Islam mematuhi garis panduan yang dikeluarkan. Zakaria (2013) berpendapat belum terdapat lakuna yang jelas dalam Akta Bank Negara 2009 walaupun telah terdapat isu-isu mempertikaikan bahawa seksyen 56 dan seksyen 57 ABNM 2009 yang mempunyai pertentangan dengan perkara 8 dan perkara 74 Perlembagaan Persekutuan tetapi berjaya diputuskan berdasarkan ulasan yang baik oleh Hakim Mahkamah Rayuan dalam kes *Tan Sri Khalid Ibrahim v Bank Islam Malaysia Berhad* [2012] 3 CLJ 249. Disebabkan tumpuan kajian ini mengkhususkan industri takaful. Kajian ini turut mengulas mengenai kes *Teng Gia Hwa & 1 or v Syarikat Takaful Malaysia Bhd 2010* yang merupakan kes pasca ABNM 2009.

Keputusan penghakiman kes *Teng Gia Hwa & 1 or v Syarikat Takaful Malaysia Bhd 2010* yang dinyatakan oleh Sabah Law Courts (2010) turut menimbulkan isu pematuhan syariah kerana keputusan penghakiman yang menggunakan istilah faedah tambahan 4% dan 8% boleh menimbulkan persoalan mengenai elemen riba dalam kontrak takaful. Sedangkan kes *Teng Gia Hwa & 1 or v Syarikat Takaful Malaysia Bhd 2010* melibatkan isu berkaitan kewangan Islam iaitu kontrak takaful. Walaupun mahkamah telah merujuk *English Common Law Marine Insurance Act 1906 of England* dan *Koster v Reed* (1926) 6 B & C 19, mahkamah juga perlu merujuk persoalan itu kepada Majlis Penasihat Syariah BNM sebelum membuat sebarang keputusan

sepertimana seksyen 56(1)(b) ABNM 2009 kerana melibatkan transaksi dalam kewangan Islam. Seksyen 56 Bank Negara Malaysia 2009 ini telah memutuskan secara mandatori kepada mana-mana mahkamah atau penimbang tara yang lain untuk merujuk Majlis Penasihat Syariah BNM dalam membuat keputusan kes berkaitan institusi kewangan Islam.

Tidak dinafikan bahawa bukan semua kes yang melibatkan institusi kewangan Islam yang dibawa mahkamah atau penimbang tara perlu dirujuk kepada Majlis Penasihat Syariah BNM. Ini turut bergantung kepada pihak Mahkamah atau penimbang tara akan memutuskan sama ada kes tersebut melibatkan penentuan hukum syarak yang memerlukan merujuk Majlis Penasihat Syariah BNM atau sebaliknya (Hussain, Hassan & Hassan 2013). Tetapi bagi mengelakkan sebarang isu syariah timbul selepas penghakiman keputusan berkaitan kewangan Islam. Mahkamah perlu bertindak bijak dengan merujuk kes tersebut kepada Majlis Penasihat Syariah BNM. Namun, pada ketika kes tersebut diputuskan. Terdapat kekangan tertentu contohnya tiada rujukan kes-kes terdahulu khususnya melibatkan kes berkaitan caj lewat bagi hutang penghakiman. Bagaimanapun, Bank Negara Malaysia (2010) telah memutuskan resolusi syariah mengenai “Caj Lewat Bayar bagi Hutang Penghakiman” dalam mesyuarat khas ke-13 bertarikh 25 Julai 2011 dan mesyuarat ke-115 bertarikh 25 Ogos 2011. Secara dasarnya, keputusan resolusi syariah tidak menghalang denda lambat bayar yang dikenakan oleh mahkamah atau penimbang tara yang lain berdasarkan peruntukan undang-undang berkaitan dan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh Majlis Penasihat Syariah BNM (2010).

Pasca kes *Teng Gia Hwa & 1 or v Syarikat Takaful Malaysia Bhd 2010*, Bank Negara Malaysia (2013b) telah mengeluarkan harmonisasi perundangan bagi kes khusus melibatkan pertikaian takaful melalui draf terkini yang akan dikeluarkan iaitu *Order 42 Rule 12 the Rules of Court 2012*. Peruntukan ini menyatakan bahawa caj bayaran lewat ke atas hutang penghakiman yang timbul daripada tuntutan untuk manfaat takaful perlu mematuhi 2 perkara iaitu (1) dikenakan bayaran jumlah amaun pada kadar yang sama dengan kadar diterbitkan hasil pelaburan risiko peserta dana yang diuruskan oleh pengendali takaful itu dan (2) dikenakan sejumlah satu peratus daripada purata setahun daripada hutang penghakiman atau kadar lain sebagaimana yang dinyatakan di bawah sub perenggan 12 (1) Jadual 10 APKI 2013 hendaklah dibayar daripada dana pemegang saham pengendali takaful dan apa-apa jumlah dan kadar yang hendak dikira dari tarikh penghakiman sehingga penghakiman berpuas hati sepenuhnya dengan jumlah tersebut. Ulasan perundangan yang dijelaskan menunjukkan bahawa perubahan perundangan berkaitan industri kewangan Islam khususnya industri takaful mendorong kepada pengukuhan aspek perundangan dalam industri kewangan Islam.

IMPLIKASI AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013 (APKI 2013)

Berdasarkan Bank Negara Malaysia (2013a), APKI 2013 telah digazetkan pada 22 Mac 2013. APKI 2013 ini menggunakan istilah “institusi” yang merujuk kepada orang yang diberi kuasa atau pengendali sistem pembayaran yang ditetapkan termasuklah SPT. Ini sepertimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 27 APKI 2013. Berdasarkan seksyen 7(2) APKI 2013 pula, bidang kuasa Majlis Penasihat Syariah BNM masih kekal dan terpakai melalui bidang kuasa BNM sepertimana ABNM 2009. APKI 2013 ini turut dilihat bertujuan menambah baik dan mengukuhkan berkaitan resolusi dan keputusan yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah BNM. Seksyen 28(2) APKI 2013 jelas memberi maksud pematuhan terhadap resolusi dan keputusan yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah BNM sahaja dianggap mematuhi syariah. Seksyen 28(4) APKI 2013 turut memberi kuasa kepada Majlis Penasihat Syariah BNM untuk menilai pelan perancangan institusi kewangan Islam dalam menguruskan ketidakpatuhan syariah dalam perniagaan, hal ehwal dan aktiviti institusi masing-masing. Tindakan BNM memberi ruang dan peluang institusi kewangan Islam termasuk SPT menunjukkan usaha BNM bagi menggalakkan SPT mempunyai bahagian syariah dalaman yang kukuh yang berdikari. Bahagian syariah dalaman SPT bukan sahaja perlu mengikut resolusi dan keputusan Majlis Penasihat Syariah BNM sahaja malahan perlu menjalankan penyelidikan mengenai isu dan permasalahan syariah yang timbul di institusi masing-masing.

Peranan Jawatankuasa Syariah lebih jelas dalam APKI 2013 berbanding Akta Takaful 1984 dan ABNM 2009. Istilah Jawatankuasa Syariah dinyatakan secara langsung dalam penggal 2 iaitu berkaitan tadbir urus syariah bermula daripada seksyen 30 hingga seksyen 36 APKI 2013. Sebelum APKI 2013 digazetkan, aspek tadbir urus syariah khususnya dalam industri takaful hanya dijelaskan secara umum dalam Seksyen 53A(1) Akta Takaful 1984. Seterusnya, perundangan berkaitan tadbir urus syariah ini ditambahbaik lagi dengan seksyen 54 ABNM 2009 yang menjelaskan penubuhan urus setia Majlis Penasihat Syariah. Namun, masih terdapat kesamaran mengenai fungsi urus setia ini secara khusus. Setelah APKI 2013 diperkenalkan, aspek tadbir urus syariah dihuraikan dengan lebih khusus dan terperinci antaranya Seksyen 30 APKI 2013 yang mengarahkan pihak institusi kewangan Islam perlu memohon terus kepada BNM untuk menubuhkan Jawatankuasa Syariah. Ini turut bertujuan membolehkan BNM mendapatkan maklumat secara jelas dan terperinci mengenai setiap profil termasuklah latar belakang pendidikan, pengetahuan dan pengalaman ahli-ahli Jawatankuasa Syariah dalam bidang kewangan Islam dan seterusnya memastikan pengawalseliaan yang baik dilakukan oleh ahli-ahli Jawatankuasa Syariah yang dilantik oleh institusi kewangan Islam.

Selain itu, APKI 2013 turut memperincikan mengenai kriteria pemilihan ahli-ahli Jawatankuasa Syariah yang

berkelayakkan. APKI 2013 ini telah menunjukkan standard yang jelas dalam pemilihan ahli-ahli Jawatankuasa Syariah iaitu berdasarkan seksyen 31 APKI 2013 dan perinciannya dalam seksyen 29(2)(a)(ii) APKI 2013. Pemilihan ini seterusnya perlu disahkan secara bertulis oleh BNM sepertimana peruntukan Seksyen 31 APKI 2013. Seksyen 31 APKI 2013 ini bertujuan agar setiap ahli yang dilantik untuk sebagai Jawatankuasa Syariah dalam institusi kewangan Islam seperti SPT memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh BNM. Klausula perundangan berkaitan kriteria pemilihan ahli-ahli Jawatankuasa Syariah untuk memastikan ahli-ahli Jawatankuasa Syariah yang dilantik adalah kompeten yang mampu memastikan dan mengawal selia setiap produk dan perkhidmatan kewangan Islam adalah patuh syariah.

Perincian berkaitan tadbir urus syariah mengenai tugas dan fungsi Jawatankuasa Syariah sepertimana seksyen 32 APKI 2013 iaitu berdasarkan apa sahaja standard tugas dan fungsi yang ditetapkan oleh BNM. APKI 2013 ini juga bukan hanya memberi tanggungjawab tadbir urus kepada Jawatan Syariah semata-mata malah meliputi Lembaga Pengarah, Pengurusan Tertinggi, Pegawai-Pegawai Kanan dan kakitangan lain yang terlibat dalam institusi kewangan Islam sepertimana seksyen 33 dan seksyen 34 APKI 2013. Seksyen 33 dan seksyen 34 APKI 2013 ini mempunyai perbezaan ketara dengan peruntukan perundangan sebelum ini. Seksyen 33 dan seksyen 34 APKI 2013 memperuntukkan ahli-ahli Jawatankuasa Syariah boleh berhenti atau dikeluarkan daripada ahli Jawatankuasa Syariah atas sebab-sebab tertentu berdasarkan peruntukan perundangan. Peruntukan perundangan ini dilihat bertujuan untuk memastikan hanya ahli-ahli Jawatankuasa Syariah yang kompeten sahaja menjadi Jawatankuasa Syariah. Jawatankuasa Syariah SPT yang kompeten, berpengetahuan dan berpengalaman dapat membantu pengukuhan keyakinan bakal para peserta dan peserta sedia ada takaful bagi meningkatkan perkembangan industri takaful. Menurut Hanudin Amin (2012), Jawatankuasa Syariah dan kakitangan SPT lain yang kompeten dan berpengetahuan tinggi mampu memberikan perkhidmatan produk takaful yang lebih baik khususnya berbanding produk insurans konvensional dan seterusnya menarik lebih permintaan daripada pasaran untuk menyertai kontrak takaful. Sementara itu, terdapat situasi tertentu yang akan menyebabkan ahli-ahli Jawatankuasa Syariah diberhentikan daripada jawatan tersebut. Ini menunjukkan komitmen BNM untuk memastikan kelayakan ahli-ahli Jawatankuasa Syariah supaya berpengetahuan luas dan mendalam serta sentiasa dikemas kini dengan pengetahuan dan pengalaman berkaitan isu semasa pematuhan syariah semasa untuk memastikan pematuhan syariah dalam institusi kewangan Islam semasa yang semakin kompleks (Miskom & Nasrul 2013).

Jawatankuasa Syariah memerlukan maklumat yang mendalam mengenai setiap aktiviti, transaksi dan operasi yang dijalankan oleh SPT untuk mengawal selia dan memastikan setiap aktiviti yang dijalankan

adalah patuh syariah. Oleh yang demikian, seksyen 35 APKI 2013 telah memperuntukkan bahawa setiap institusi kewangan Islam perlu menyediakan maklumat yang berkaitan kepada Jawatankuasa Syariah untuk membolehkan Jawatankuasa Syariah menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka berkaitan pematuhan syariah. Walaupun tidak dinyatakan dengan jelas mengenai jenis dan sejauh mana data dan maklumat yang perlu diberikan kepada Jawatankuasa Syariah. Namun, ini memberi maksud bahawa maklumat perlu diberikan secara mendalam dan telus selagi mana maklumat tersebut berkaitan dengan keperluan Jawatankuasa Syariah bagi menjalankan tanggungjawab dalam pematuhan syariah. Ini sekali gus menunjukkan komitmen BNM untuk memastikan aspek pematuhan syariah dalam institusi kewangan Islam termasuklah SPT.

Bagi memastikan setiap maklumat dan data diberikan dengan secukupnya untuk memastikan pematuhan syariah. Jawatankuasa Syariah turut diberi segala maklumat termasuklah maklumat yang dianggap sulit asalkan tidak didedahkan kepada pengetahuan pihak yang tidak berkenaan sepertimana seksyen 36 APKI 2013. Pada masa yang sama, ahli-ahli Jawatankuasa Syariah turut dilindungi oleh undang-undang iaitu Jawatankuasa Syariah tidak boleh diambil tindakan oleh mana-mana institusi kewangan Islam selagi mana menjalankan tanggungjawab secara betul dalam memastikan pematuhan syariah institusi kewangan Islam. Seksyen 36 APKI 2013 ini juga memperuntukkan bahawa Jawatankuasa Syariah akan diberi perlindungan agar mereka tidak menanggung sebarang tuntutan daripada pihak institusi kewangan Islam sekiranya sebarang keputusan dan tindakan dilakukan dengan tujuan baik. Ini memastikan Jawatankuasa Syariah dapat menjalankan tanggungjawab dengan baik dan telus daripada kebimbangan tindakan perundangan terhadap mereka. Ini menunjukkan kebebasan Jawatankuasa Syariah dalam menjalankan tanggungjawab memantau berkaitan pematuhan syariah. IFSB (2009) telah menyatakan bahawa elemen kebebasan ini merupakan salah satu elemen penting dalam tadbir urus syariah. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Syariah dan mana-mana pihak dalam industri kewangan Islam tetap tertakluk dan terdedah dengan risiko hukuman penjara tidak lebih 8 tahun atau penalti kewangan tidak melebihi 25 juta sekiranya didapati bersalah iaitu gagal mematuhi standard pematuhan syariah yang dikeluarkan BNM sepertimana Seksyen 29(6) APKI 2013. Hukuman akibat tidak mematuhi syariah ini lebih berat berbanding hukuman berdasarkan seksyen 59(3) ABNM 2009 yang mengenakan denda tidak melebihi RM3 juta. Fasal peruntukan undang-undang mengenai tadbir urus syariah merupakan antara ciri-ciri utama yang diperkenalkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 yang mengukuhkan bidang kuasa BNM sebagai pengawalseliaan utama dan peranan Jawatankuasa Syariah di peringkat dalaman SPT. Ini bertujuan mengukuhkan tadbir urus syariah dalam industri kewangan Islam termasuklah industri takaful di Malaysia.

JADUAL 2. Perbandingan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan Akta Takaful 1984

	Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. (APKI 2013)	Akta Bank Negara Malaysia 2009. (ABNM 2009)	Akta Takaful 1984. (AT 1984)
Penubuhan Majlis Penasihat Syariah BNM	Sepertimana Akta Bank Negara Malaysia 2013 (seksyen 7(2) APKI 2013)	Seksyen 51 ABNM 2009	-
Tugas dan Peranan Majlis Penasihat Syariah BNM	Seksyen 29 APKI 2013	Seksyen 52 ABNM 2009	Seksyen 53A Akta Takaful 1984
Pelantikan Anggota Majlis Penasihat Syariah BNM	Sepertimana Akta Bank Negara Malaysia 2013 (seksyen 7(2) APKI 2013)	Seksyen 51 ABNM 2009	-
Pertikaian Majlis Penasihat Syariah BNM dan Jawatankuasa Syariah Dalaman	Sepertimana Akta Bank Negara Malaysia 2013 (seksyen 7(2) APKI 2013)	Seksyen 56, 57, 58 ABNM 2009	-
Penubuhan Jawatankuasa Syariah	Seksyen 30 APKI 2013	Menggunakan istilah <i>urus setia</i> Majlis Penasihat syariah (Seksyen 51 ABNM 2009)	Menggunakan istilah <i>Badan Penasihat Syariah</i> (seksyen 5(b) Akta Takaful 1984)
Pelantikan anggota jawatankuasa Syariah	Seksyen 31 APKI 2013	-	-
Kewajipan jawatankuasa Syariah dan anggotanya	Seksyen 32 APKI 2013	-	-
Pemberhentian sebagai anggota jawatankuasa Syariah	Seksyen 33 APKI 2013	-	-
Notis pemberhentian sebagai anggota jawatankuasa Syariah	Seksyen 34 APKI 2013	-	-
Maklumat untuk diberikan kepada jawatankuasa Syariah	Seksyen 35 APKI 2013	-	-
Perlindungan bersyarat dan kewajipan kerahsiaan oleh Jawatankuasa Syariah	Seksyen 36 APKI 2013	-	-
Hukuman ke atas tidak mematuhi syariah	Seksyen 28(5) dan seksyen 29(6) APKI 2013	Seksyen 59(3) ABNM 2009	Seksyen 11(1)(a) Akta Takaful 1984
Pengurusan pematuhan syariah	Seksyen 28 APKI 2013	Seksyen 55 dan 59 ABNM 2009	-

Jadual 2 turut menunjukkan aspek-aspek yang ditambah baik dalam perundangan tadbir urus syariah industri takaful. Bermula daripada Akta Takaful 1984, hanya tiga perkara sahaja yang disentuh berkaitan tadbir urus syariah iaitu tugas dan peranan Majlis Penasihat Syariah BNM mengenai tugas umum mereka iaitu menasihati institusi kewangan Islam berkaitan pematuhan syariah. Kemudian, Akta Takaful 1984 hanya menyatakan menyentuh sedikit mengenai keperluan menubuhkan Jawatankuasa Syariah dalaman SPT dan perkara terakhir dalam Akta takaful 1984 mengenai tadbir urus syariah menyatakan SPT boleh dibatalkan lesen pendaftaran sekiranya terdapat unsur-unsur yang tidak patuh syariah.

Tiga perkara yang dinyatakan dalam Akta Takaful 1984 mula kelihatan mempunyai banyak kelompangan apabila industri takaful masuk ke fasa III iaitu tahun 2001 dan ke atas dengan penubuhan lebih banyak SPT. Hal ini menyebabkan pengawalseliaan telah menambah baik tadbir urus syariah melalui peruntukan Akta Bank Negara Malaysia 2009. Pembentukan ABNM 2009 jelas bertujuan mengisi dan mencukupkan kekurangan Akta Takaful 1984 dengan tumpuan mengenai peranan dan tanggungjawab Majlis Penasihat Syariah BNM. ABNM 2009 telah memberi kredibiliti kepada Majlis Penasihat Syariah BNM sebagai pihak berautoriti dalam memutuskan resolusi atau keputusan pematuhan syariah dalam industri

kewangan Islam. Seterusnya, APKI 2013 pula digazetkan manakala Akta Takaful 1984 dimansuhkan serta-merta. Perubahan perundangan ini telah merubah lanskap perundangan kewangan Islam di Malaysia. Kewujudan APKI 2013 telah memansuhkan Akta Takaful 1984 dan Akta Bank Islam 1983 dengan pengecualian tertentu sepertimana seksyen 282 dan 283 APKI 2013. Setelah ABNM 2009 mengukuhkan kredibiliti Majlis Penasihat Syariah BNM, APKI 2013 pula menumpukan pengukuhan peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Syariah dalaman IKI tersebut. Pelbagai perincian diperuntukan dalam APKI 2013 ini termasuklah pelantikan, kewajipan, pemberhentian, imuniti, pemberian maklumat dan lain-lain lagi mengenai Jawatankuasa Syariah dalaman. Ini ditambah lagi dengan kebenaran BNM kepada institusi kewangan Islam bagi menguruskan situasi apabila berlakunya ketidakpatuhan syariah. Penambahbaikan perundangan tadbir urus syariah ini menunjukkan usaha dan komitmen yang tinggi daripada pihak pengawal selia iaitu BNM bagi memastikan pematuhan syariah secara menyeluruh sama ada di peringkat makro industri kewangan Islam oleh Majlis Penasihat Syariah BNM dan di peringkat mikro institusi kewangan Islam termasuklah SPT melalui Jawatankuasa Syariah dalaman.

Secara umumnya, semua informan yang ditemu bual memaklumkan bahawa peruntukan perundangan APKI 2013 khususnya dalam aspek tadbir urus syariah memberikan impak positif dalam industri takaful. Informan A yang merupakan Ketua Bahagian Penyelidikan dan Khidmat Nasihat Syariah SPT A berpandangan bahawa perundangan APKI 2013 telah memperuntukkan secara terperinci dan jelas mengenai aspek patuh syariah operasi SPT contohnya membenarkan praktis kontrak *Al-Qard* bagi menangani defisit dalam dana risiko peserta takaful. Menurut beliau lagi, sebelum APKI 2013 digazetkan, terdapat isu mengenai praktis *Al-Qard* dalam industri takaful sama ada boleh dilaksanakan atau sebaliknya. Walaupun resolusi syariah melalui Majlis Penasihat Syariah BNM telah memutuskan membenarkan praktis kontrak *al-Qard* bagi menangani isu defisit dalam dana risiko peserta. Namun, terdapat pertikaian dan perbezaan pandangan di kalangan kepakaran syariah mengenai praktis *al-Qard* yang masih berlaku dan dibincangkan dalam industri takaful yang sedikit sebanyak mengganggu pelaksanaan kontrak *al-Qard* sekiranya terdapat kekurangan dana risiko peserta takaful. Oleh yang demikian, setelah APKI 2013 digazetkan, keputusan dan resolusi syariah Majlis Penasihat Syariah BNM telah diangkat secara jelas bukan sahaja dalam aspek hukum atau perundangan syariah sahaja malahan turut diiktiraf secara jelas oleh perundangan sivil melalui seksyen 95 APKI 2013. Informan A menambah lagi, sebelum APKI 2013 digazetkan, terdapat SPT yang tidak melaksanakan benefisiari dalam hibah bersyarat walaupun resolusi syariah Majlis Penasihat Syariah BNM membenarkan pelaksanaan hibah bersyarat dalam penamaan manfaat takaful. Bagaimanapun, setelah APKI 2013 digazetkan, peruntukan perundangan APKI 2013 ini secara jelas telah mengesahkan praktis benefisiari hibah bersyarat untuk

dipraktikkan dalam industri takaful melalui Seksyen 145 APKI 2013. Dengan erti kata yang lain, APKI 2013 telah mengukuhkan keputusan yang dibuat melalui pihak tadbir urus syariah yakni Majlis Penasihat Syariah BNM. Informan A menjelaskan lagi bahawa sebelum APKI digazetkan, industri takaful berhadapan dengan lakuna dan kelompangan dalam perundangan. Namun setelah APKI 2013 digazetkan, banyak isu dan praktis contohnya Jadual 10 APKI 2013 yang menjelaskan secara terperinci mengenai praktis pembayaran manfaat takaful yang perlu dipatuhi oleh semua SPT dalam industri takaful di Malaysia.

Selanjutnya, Informan B yang bertugas sebagai Penolong Pengurus Jabatan Syariah di SPT B berpandangan bahawa APKI 2013 merupakan peruntukan perundangan yang tegas termasuklah dalam aspek pematuhan syariah. Beliau menjelaskan bahawa mana-mana individu atau pihak yang menyebabkan ketidakpatuhan syariah termasuklah melanggar apa-apa keputusan pihak tadbir urus syariah sama ada keputusan syariah Jawatankuasa Syariah SPT atau resolusi syariah Majlis Penasihat Syariah SPT akan dikenakan hukuman yang berat yakni hukuman penjara tidak melebihi 8 tahun dan denda tidak melebihi RM 25 juta. Ini jelas menunjukkan bahawa APKI 2013 mengukuhkan kuasa pihak tadbir urus syariah dalam industri takaful dengan mengenakan hukuman kepada mana-mana individu atau pihak yang didapati bersalah melakukan apa-apa tindakan yang tidak patuh syariah dalam operasi SPT. Bagaimanapun, informan C yang juga merupakan ahli Jawatankuasa Syariah SPT C berpandangan bahawa walaupun APKI 2013 memberi peruntukan perundangan mengenai ketelusan maklumat bagi membolehkan proses tadbir urus syariah berjalan lancar. Namun, proses tadbir urus syariah masih bergantung sejauh mana usaha pihak tadbir urus itu sendiri iaitu sejauh manakah pihak Jawatankuasa Syariah dan pihak SPT untuk meneliti dan menilai pematuhan syariah dalam keseluruhan operasi dan aktiviti SPT tersebut.

Informan D iaitu Penolong Pengurus, Review dan Penyelidikan Syariah, Risiko, Syariah dan Tadbir Urus di SPT D berpandangan bahawa APKI 2013 bertujuan mengukuhkan aspek tadbir urus syariah dalam industri takaful secara keseluruhan. Contohnya APKI 2013 telah memperincikan mengenai kelayakan, bidang kuasa, peranan sehingga proses pemberhentian ahli-ahli Jawatankuasa Syariah dan ini menunjukkan usaha dan komitmen pengawal selia yakni BNM untuk meningkatkan tahap kualiti dan kompetensi tadbir urus syariah dalam industri takaful di Malaysia. Beliau menambah lagi, APKI 2013 turut mengukuhkan resolusi syariah yang telah dibuat oleh pihak pentadbir urus syariah iaitu Majlis Penasihat Syariah BNM contohnya peruntukan perundangan pembayaran manfaat takaful dan praktis hibah bersyarat dalam kontrak takaful yang turut dipersetujui oleh informan A. Menurut informan D lagi, sebelum APKI 2013 digazetkan tiada sebarang perundangan yang khusus mengenai pembayaran manfaat takaful yang mendedahkan untuk

berlakunya penyelewengan atau kelemahan dalam aspek pembayaran manfaat takaful. Walau bagaimanapun, masih terdapat kelemahan tertentu dalam APKI 2013 contohnya tiada definisi yang jelas menerangkan apakah yang dimaksudkan dengan “manfaat takaful” sama ada melibatkan keseluruhan wang takaful termasuklah pelaburan dan dana risiko peserta atau melibatkan dana risiko peserta manakala dana pelaburan perlu dibayar secara berasingan. Oleh yang demikian, informan D menjelaskan bahawa isu-isu yang tidak dijelaskan dalam APKI 2013 masih memerlukan perbincangan di peringkat tadbir urus syariah dalaman iaitu Jawatankuasa Syariah SPT sekaligus memberi ruang dan peluang kepada SPT untuk memutuskan keputusan atau resolusi syariah di peringkat dalaman SPT masing-masing.

Namun begitu, informan E yang merupakan Ketua Bahagian Syariah dan Strategik SPT E mempunyai pandangan individu yang berbeza dengan informan-informan yang lain. Beliau berpandangan bahawa peruntukan perundangan APKI 2013 ini terlalu mengikat SPT dan menyebabkan SPT sukar untuk melakukan kreativiti dan kepelbagaian dalam industri takaful. Dengan erti kata yang lain, pihak tadbir urus syariah di peringkat SPT yakni Jawatankuasa Syariah SPT tertakluk dan tidak boleh berbeza keputusan dengan peruntukan APKI 2013. Selain itu, beliau turut berpandangan bahawa terdapat peruntukan perundangan APKI 2013 masih bermirip kepada industri insurans konvensional contohnya mengenai jumlah caj denda lambat bayar manfaat takaful kepada peserta seperti Jadual 10 perenggan 12 (1) APKI 2013. Bagaimanapun, beliau berpandangan bahawa APKI 2013 masih dianggap baru dalam industri takaful dan sebarang kelemahan dan implikasi APKI 2013 sentiasa dipantau oleh pengawal selia iaitu BNM. Sekiranya berlaku sebarang implikasi negatif dalam pasaran, BNM sudah pasti akan mengeluarkan garis panduan atau pekeliling dari semasa ke semasa untuk menambah baik kelemahan tersebut.

Selain itu, Informan F yang merupakan Pengurus dan Ketua Bahagian Syariah SPT F turut mengulas bahawa APKI 2013 meletakkan asas tadbir urus syariah bagi industri kewangan Islam termasuklah industri takaful. Ini bermaksud APKI 2013 hanya memperuntukkan perundangan dalam aspek-aspek penting atau asas sahaja manakala perkara-perkara mikro masih di bawah tanggungjawab dan keputusan Jawatankuasa Syariah SPT itu sendiri contohnya sekiranya berlaku isu-isu ketidakpatuhan syariah, pihak SPT melalui Jawatankuasa Syariah dan kakitangan-kakitangan yang berkaitan perlu menguruskan isu-isu ketidakpatuhan syariah di peringkat dalaman SPT itu sendiri. Informan F mengulas lanjut bahawa APKI 2013 telah memberi kuasa pihak tadbir urus syariah menjalankan proses pematuhan syariah secara menyeluruh tanpa sebarang sekatan daripada pihak-pihak tertentu melalui seksyen 35 APKI 2013. Selanjutnya, informan G iaitu Ketua Bahagian Syariah SPT G pula berpandangan bahawa peruntukan perundangan APKI 2013 menyebabkan kakitangan dan pihak-pihak lain

yang terlibat dalam industri takaful sentiasa berhati-hati dalam memastikan pematuhan syariah dalam industri takaful. Beliau turut mengulas lanjut bahawa APKI 2013 merupakan peruntukan perundangan yang menyokong pematuhan syariah dalam industri takaful dan tanpa perundangan seperti APKI 2013, terdapat pihak-pihak yang sewenang-sewenang mengambil kesempatan untuk mengabaikan pematuhan syariah dalam industri takaful. Pandangan informan F ini menggambarkan bahawa APKI 2013 mengukuhkan proses tadbir urus syariah dalam industri takaful secara keseluruhannya. Hasil keseluruhan temu bual menunjukkan bahawa informan-informan kajian memberikan respon positif mengenai aspek tadbir urus syariah selepas APKI 2013 digazetkan.

KESIMPULAN

Makalah ini menyimpulkan bahawa perubahan perundangan dalam industri takaful bertujuan untuk memastikan kecukupan kerangka perundangan selaras dengan perubahan tempoh masa operasi industri takaful di Malaysia kira-kira 30 tahun. Bermula dengan Akta Takaful 1984 kemudian ditambah baik dengan Akta Bank Negara 2009. Perubahan perundangan dari Akta takaful 1984 kepada ABNM 2009 ini telah mengambil masa kira-kira 25 tahun dan ini merupakan jangka masa yang terlalu lama dan lembap untuk perubahan perundangan daripada pihak pengawalseliaan dalam mengukuhkan perundangan berkaitan industri kewangan Islam. Tetapi apabila situasi industri kewangan Islam seperti perbankan Islam, takaful, pasaran wang Islam dan lain-lain yang berkembang pesat dan ditambah pula dengan pelbagai pertikaian perundangan termasuklah melibatkan kes mahkamah. Pihak pengawal selia telah mula menyedari keperluan terhadap pengukuhan perundangan lantas memperkenalkan APKI 2013 iaitu kira-kira selepas 4 tahun Akta Bank Negara 2009 diperkenalkan. APKI 2013 merupakan suatu peruntukan perundangan yang mantap bagi mengawal selia industri kewangan Islam termasuklah industri takaful. Dalam aspek tadbir urus syariah, APKI 2013 begitu tegas bertujuan untuk melindungi dan memenuhi liabiliti kontrak takaful bagi melindungi kepentingan pihak-pihak yang berkontrak seperti para peserta takaful, para pemegang saham, pihak SPT dan pihak-pihak lain yang berkaitan dalam industri takaful. Pada masa yang sama, tidak dinafikan juga bahawa APKI 2013 ini masih baru serta belum berhadapan dengan situasi pertikaian perundangan yang kritikal sepertimana berlaku semasa pra APKI 2013. Namun begitu, pihak pengawal selia dilihat telah bersedia dan bertindak bijak dengan memperuntukkan kuasa kepada BNM untuk mengeluarkan garis panduan dan standard spesifikasi mungkin berubah dan sentiasa terkini dari masa ke semasa melalui seksyen 29 APKI 2013. Peruntukan seksyen 29 APKI 2013 ini bertujuan untuk memastikan rangka perundangan industri kewangan Islam termasuklah takaful yang sentiasa komprehensif

dan relevan pada setiap masa bagi mendepani cabaran perundangan dalam industri kewangan Islam.

RUJUKAN

- Al-Syawkani. 1995. *Irsyad al-Fuhul*. Beirut: Mu'assasah al-Kutub al-Thaqafiyah.
- Bank Negara Malaysia. 2003. *Guidelines on the Governance of Shariah Committee*BNM/RH/GL/005-6. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Bank Negara Malaysia. 2011. *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam MajlisPenasihat Syariah Bank Negara Malaysia (2010 - 2011)*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Bank Negara Malaysia. 2010. *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*. Edidi ke-2. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Bank Negara Malaysia. 2013a. Akta 759: Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Diakses dari http://www.bnm.gov.my/?ch=bm_legislation&pg=bm_legislation_act&ac=1083&lang=bm
- Bank Negara Malaysia. 2013b. *Islamic Finance Law Harmonisation Committee Report 2013*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Bank Negara Malaysia. 2013c. *Majlis Penasihat Syariah Bank*. http://www.bnm.gov.my/?ch=bm_about&pg=bm_thebank&ac=803&lang=bm
- Bank Negara Malaysia. 2004. *Industri Takaful Malaysia 1984-2004*. <http://www.bnm.gov.my/files/publication/tkf/bm/2004/booklet.bm.pdf>
- Bank Negara Malaysia. 2011. *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions*BNM/RH/GL_012_3. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- DeLorenzo, S.Y.T. 2007. Shari'ah compliance risk. *Chicago Journal of International Law* 7: 397-408.
- Grassa, R. 2013. New issues and challenges: A comparative analysis between Southeast Asia models and GCC models. *Humanomics* 29(4): 333-348.
- Hamza, H. 2013. Sharia governance in Islamic banks: Effectiveness and supervision model. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management* 6(3): 226-237.
- Hanudin Amin. 2012. An analysis on Islamic insurance participation. *Jurnal Pengurusan* 34: 11-20.
- Hasan, Z. 2011. A survey on shariah governance practices in Malaysia, GCC countries and the UK. *International Journal of Middle Eastern Finance and Management* 4(1): 30-51.
- Hassan, A.A.H. 2008. Akta takaful 1984: Satu analisa. Dlm. *Sistem Takaful di Malaysia: Isu-Isu Komtemporari*, disunting oleh A.A. Rahman, J.T. Borhan, P.H. Ibrahim, C.A. Seman & N.A. Ali, 103-117. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hassana, R. & Hussain, M.A. 2013. Scrutinizing the Malaysian regulatory framework on Shari'ah advisors for Islamic financial institutions. *Journal of Islamic Finance* 2(1): 38-47.
- Hichem, H. 2013. Sharia governance in Islamic banks: Effectiveness and supervision model. *Middle Eastern Finance and Management* 6(3): 226-237.
- Hussain, M.A., Hassan, R. & Hassan, A. 2013. Resolusi syariah oleh majlis penasihat syariah Bank Negara Malaysia: Tinjauan perspektif undang-undang. *KANUN* 2(2): 220-237.
- Islamic Finance Service Board (IFSB). 2009. *Guiding Principle on Governance for Takaful (Islamic Insurance) Undertaking*. Kuala Lumpur: IFSB.
- Jabatan Peguam Negara. 2006. Akta 56: Akta Keterangan 1950. Diakses dari <http://www.agc.gov.my/Akta/Vol.%202/Akta%2056.pdf>
- Jabatan Peguam Negara. 2008. Akta 312: Akta Takaful 1984. Diakses dari http://www.agc.gov.my/Akta/Vol.%207/Akta_312.pdf
- Jabatan Peguam Negara. 2009. Akta 701: Akta Bank Negara Malaysia 2009. Diakses dari http://www.bnm.gov.my/documents/act/cba2009_02.pdf
- Karim, G. 2014. Shari'ah risk and corporate governance of Islamic banks. *Corporate Governance* 14(1): 86-103.
- Lambak, S. & Tahir, I. M. 2013. Juristic analysis on the applications of common law in Malaysia Takaful Act 1984 based on doctrine *al-'urf*. *Asian Social Science* 9(9): 262-269.
- Mahmud, M.S. & Kader, R.A. 2012. Perkembangan takaful di Malaysia: Satu kajian undang-undang kewangan Islam. *KANUN* 24(2): 241-260.
- Marshall, C. & Rossman, G.C. 1995. *Designing Qualitative Research*. Edisi ke-5. London: Sage Publication.
- Michael, M.D. 2009. *Qualitative Research Research in Business & Management*. London: Sage Publication.
- Miskom, S. & Nasrul, M.A. 2013. Shariah Governance in Islamic Finance: The Effects of the Islamic Financial Services Act 2013. *Proceeding of the World Conference on Integration of Knowledge (WCIK 2013)*, 25-26 November. Langkawi, Malaysia.
- Markom, R., Pitchay, S.A., Zainol, Z.A., Abdul Rahim, A. & Abdul Rahim Merican, R.M. 2011. Adjudication of Islamic banking and finance cases in the civil courts of Malaysia. *European Journal of Law and Economics* 36: 1-34.
- Sabah Law Courts. 2010. *TengGiahwa @ GaryTeng, Jean-Francois Cormerais VS Syarikat Takaful Malaysia Berhad*. http://www.highcourt.sabah.sarawak.gov.my/apps/highcourt/sabah/modules/highcourt_cap/components/publishing/index3_judgment_list.php?offset=10&judge
- Salleh, M. 2005. *Takaful dari prospek syariah dan perundangan mengikut amalan di Malaysia*. Tesis tidak terbit, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.
- Tahmoures, A.A. 2013. Compare and contrast sukuk (Islamic bonds) with conventional bonds, are they compatible? *The Journal of Global Business Management* 9(1): 47-58.
- Wafica Ali Ghoul. 2011. The dilemma facing Islamic finance and lessons learned from the global financial crisis. *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance* 60(7): 57-76.
- Zakaria, T.A. 2013. A judicial perspective on Islamic finance litigation in Malaysia. *IIUM Law Journal* 21: 143-182.
- Zaydan, 'Abd al-Karim. 1969. *Madkhal li Dirasah al-Shariah al-Islamiyyah*. Baghdad: Matba'ah al-'Ani.
- Mohd Faiz Mohamed Yusof (penulis koresponden)
Jabatan Syariah dan Ekonomi
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA.
E-Mel: mrfaizyusof@gmail.com

Joni Tamkin Borhan
Jabatan Syariah dan Ekonomi
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA.
E-Mel: joni@um.edu.my

Nurhanani Romli
Jabatan Syariah dan Ekonomi
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA.
E-Mel: nurhanani_romli@um.edu.my

